

27 JUN 1981

Kekalkan perpaduan

PERSAINGAN merebut jawatan-jawatan kepimpinan UMNO telah pun selesai. Salingan paling sengit dalam masa beberapa minggu lepas ialah antara calon-calon Timbalan Presiden. Oleh kerana kedua-dua Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah, mempunyai kewibawaan dan ketokohan yang sama hebat dan diperlukan, tugas para perwakilan ke Perhimpunan Agung kali ini dalam menentukan pilihan mereka amatlah berat. Tetapi penentuan mesti dibuat, dan kini keputusannya telah pun diketahui. Apabila para perwakilan memilih yang seorang tidak bermakna mereka menolak yang seorang lagi. UMNO, seluruh rakyat dan Negara tetap memerlukan pimpinan kedua-duanya. Para perwakilan itu terpaksa membuat keputusan ini semata-mata kerana Perlembagaan UMNO tidak menyediakan pilihan lain bagi mereka — mengangkat kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun kita semua merasa lega kerana kedua-duanya telah berikrar untuk terus berkorban dan berkhidmat kepada UMNO, rakyat dan Negara. Semangat inilah yang akan menjamin perpaduan dan kekuatan UMNO di masa depan, seperti ia telah mengekalkan keutuhan Parti itu masa lalu. Persaingan begini bukanlah tidak pernah berlaku dalam UMNO. Allahyarham Tun Dr. Ismail pernah bersaing merebut jawatan Timbalan Yang Dipertua UMNO dengan Allahyarham Tun Abdul Razak. Tetapi persaingan itu cumalah amalan demokrasi yang sihat, bukannya pertentangan dasar dan perjuangan. Apabila keputusan telah tercapai, keduanya kembali berkhidmat dengan gigih dan penuh azam sehingga kepada peringkat mengorbankan kesihatan mereka masing-masing. Ini jugalah yang pasti dilakukan oleh Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dalam amanatnya kepada Perhimpunan Agung UMNO semalam Datuk Hussein Onn berharap, "demi kepentingan Parti, bangsa, agama dan Negara, apa-apa jua perselisihan yang timbul daripada persaingan merebut jawatan hendaklah diketepikan dengan selesainya pemilihan pemimpin-pemimpin Parti, dan sebaliknya diisi dengan semangat kerjasama dan perpaduan." Nasihat ini tidak saja benar bagi pemimpin-pemimpin yang bertanding tetapi juga kepada seluruh ahli UMNO dan masyarakat Melayu. Matlamat perjuangan kita masih jauh di depan untuk kita membuang masa dan tenaga dengan persengketaan yang melemahkan.

No.

No.